



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN**

**Tarikh Dibaca :**

**16 RABIULAKHIR 1444H/  
11 NOVEMBER 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN

11 NOVEMBER 2022 / 16 RABIULAKHIR 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ

وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝٦٦

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar menumpukan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perbuatan yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual-bual atau bermain telefon sebagaimana diperingatkan daripada hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

**Maksudnya:** *“Dan barangsiapa yang lagha maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”.* (Hadis riwayat Abu Daud)

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Tanggungjawab Pemimpin”**.

Khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar serta teguh memelihara silaturrahim. Semoga dengan kukuhnya persaudaraan dan kesatuan umat Islam akan menambahkan lagi kekuatan dan menjemput keberkatan dari Allah SWT. Selain itu, khatib ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam perjalanan hidup manusia, Allah SWT mengutuskan pemimpin yang akan membimbing manusia. Pemimpin pada tahap pertama ialah para nabi dan Rasul yang bermula dari manusia pertama iaitu Nabi Adam AS dan berakhir dengan Nabi Muhammad SAW. Tahap kedua pula ialah para Khulafa’ al-Rasyidin dan para sahabat yang lain. Manakala pada tahap ketiga pula ialah raja-raja Muslim yang bermula pada zaman Bani Umayyah sehingga Uthmaniyah. Inilah peringkat awal generasi terbaik yang disebutkan oleh Rasulullah SAW:

إِنَّ خَيْرَكُمْ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

**Maksudnya:** *“Sebaik-baik kamu ialah yang berada pada abadku, kemudian abad berikutnya, kemudian abad berikutnya, dan kemudian abad berikutnya”.* (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari)

Imam al-Mawardi, salah seorang ulama yang masyhur dan unggul dalam bidang *siyasa* menyatakan bahawa tanggungjawab pemimpin ialah:

## الإمامة موضوعة لخلافة النبوة في حراسة الدين وسياسة الدنيا

*“Imamah (kepemimpinan) ialah pengganti kenabian dalam menjaga agama (Islam) dan mengatur urusan dunia (dengannya)”.*

Jadi, secara umumnya pemimpin Islam bertanggungjawab meneruskan perjuangan Rasulullah SAW dalam memelihara dan menjaga agama serta mentadbir dan mengurus dunia ini dengan panduan agama. Dalam urusan memelihara agama dan mentadbir dunia dengan agama, para ulama telah membahagikan empat tanggungjawab penting pemimpin Islam iaitu;

1. Menegakkan masyarakat Islam.
2. Menegakkan keadilan dalam masyarakat.
3. Menyebarkan dakwah Islamiyah.
4. Mempertahankan Islam dan bumi umat Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pemimpin bukan sekadar bertanggungjawab memberikan khidmatnya kepada negara dari segi pembangunan fizikal. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah pemimpin mesti berusaha menyelamatkan rakyat daripada segala bahaya dan malapetaka akhirat. Oleh sebab itu, tanggungjawab pemimpin ialah menyampaikan risalah Islam kepada semua rakyat. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَتِيقَةُ الْأُمُورِ ۝٤١

**Maksudnya:** *“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.*

Ketika Rasulullah SAW mengutuskan Muaz RA ke Yaman, Baginda Rasulullah SAW berpesan kepada Muaz: *“Sesungguhnya engkau akan mendatangi satu kaum dari Ahli*

*Kitab, maka perkara pertama yang mesti engkau ajarkan (didik) kepada mereka ialah menyembah Allah. Sekiranya mereka telah mula mengenal Allah, maka beritahu kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu pada siang dan malam. Sekiranya mereka melakukan sedemikian maka maklumkan kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat yang akan diagihkan kepada orang fakir dalam kalangan mereka. Sekiranya mereka menurut perintah, maka ambillah dari mereka dan berhati-hatilah dari harta berharga milik manusia". (Sahih al-Bukhari)*

Pesanan Rasulullah SAW kepada Muaz ini menunjukkan kepada kita bahawa tugas menyeru manusia kepada Islam merupakan tugas utama para pemimpin. Imam al-Mawardi dalam Kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyah* juga menyenaraikan antara tugas pemimpin ialah mempertahankan kedaulatan Islam dan memantapkan akidah umat Islam pada jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Maka tidak dapat tidak, para pemimpin Islam mesti melaksanakan tugas dan amanahnya menyeru umat manusia kepada Allah SWT.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Tugas pemimpin juga ialah menjadi contoh teladan dari sudut kepimpinan yang baik dan berakhlak. Sebagaimana Rasulullah SAW yang memiliki 'akhlak al-Quran', yakni akhlak yang menyejukkan mata memandang dan menyenangkan telinga yang mendengar. Dengan akhlak yang mulia itulah yang akan mendorong manusia memilih Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Selain itu, para pemimpin mestilah bertanggungjawab dalam setiap amanah yang telah diberi, ikhlas dalam melaksanakan tugas, dan sentiasa mengambil berat tentang keperluan rakyat. Perlu diingat juga bahawa para pemimpin tidak boleh mengambil kesempatan atas peluang yang ada seperti mengumpul kekayaan sendiri, rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah, menipu dan lain-lain lagi. Hal ini bertepatan dengan peringatan tegas dari Rasulullah SAW:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَةً، يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ

الْجَنَّةَ

**Maksudnya:** “Tidak ada seorang hamba yang diberikan tanggungjawab untuk memelihara rakyat sedangkan dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya melainkan Allah mengharamkan baginya syurga”. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan beberapa intipati buat renungan kita bersama:

**Pertama:** Rasulullah SAW telah memberi jaminan kepada kita bahawa pasti akan ada pemimpin yang mempertahankan kedaulatan Islam dan menyeru umat manusia kepada jalan yang benar lagi diredhai Allah SWT ini.

**Kedua:** Pemimpin bukan sekadar bertanggungjawab memberikan khidmatnya kepada negara dari segi pembangunan fizikal tetapi yang lebih penting daripada itu ialah pemimpin mesti berusaha menyelamatkan rakyat daripada segala bahaya dan malapetaka akhirat.

**Ketiga:** Rasulullah SAW memberi peringatan yang sangat tegas kepada para pemimpin agar tidak berlakon atau menipu rakyat setelah mereka diberi kekuasaan untuk memerintah.

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا

بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ۝٨﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”. **(Surah al-Nisaa’ ayat 58)**

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ  
 الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .  
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ  
 مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَعْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ  
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .  
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكْوَعْ،  
 تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ  
 سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .  
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،  
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا  
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.